



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperak@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 2 (34)
Tarikh: 7 Syaaban 1444H
28 Februari 2023M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

**Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 1 Tahun 2023**

**Penerimaan dan Penguatkuasaan Arahan Amalan
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
Tahun 2022**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A / Y.A / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 12 Januari 2023 dan selaras dengan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan bagi pemakaian dan penguatkuasaan Arahan Amalan JKSM tahun 2022 seperti berikut:

BIL	NO. ARAHAN AMALAN	TAJUK ARAHAN AMALAN	CATATAN
1.	1/2022	Perintah Mahkamah Syariah Melalui Potongan Pencen	Diterima
2.	2/2022	Perintah Mahkamah Syariah Berkaitan Status Nasab dan Pernikahan	Diterima
3.	3/2022	Keutamaan Kehadiran Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) Jabatan Bantuan Guaman, Ketua Pendakwa Syarie Dan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Semasa Prosiding Rayuan Di Mahkamah Rayuan Syariah	Diterima dengan pindaan: 1) Pemakaian Arahan Amalan ini adalah termasuk di Mahkamah Utama Syariah. 2) Tajuk dipinda kepada Keutamaan Kehadiran Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) Jabatan Bantuan Guaman, Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Pendaftar semasa Prosiding Rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah.
4.	4/2022	Penyeragaman Surat Perlantikan Dan Pertukaran Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri-Negeri	Diterima Dengan pindaan tambahan pemakaian Borang di Lampiran kepada Panel / Pengerusi Mahkamah Utama Syariah
5.	5/2022	Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai Dan Petugas Dalam Dewan Mahkamah Syariah	Ditolak Alasan: Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Perak No. 6 Tahun 2023

6.	6/2022	Keperluan Pemfailan Kes Tuntutan Nafkah Anak Bersama Kes Tuntutan / Permohonan Perceraian Atau Pembubaran Perkahwinan (Dengan Kehadiran Suami)	Ditolak Alasan: Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Perak No. 8 Tahun 2023
7.	7/2022	Keperluan Menjadikan Semua Ahli Waris Yang Berhak Dan Berkepentingan Sebagai Pihak-Pihak Di Dalam Kes-Kes Yang Melibatkan Tuntutan Ke Atas Harta Si Mati	Diterima dengan pindaan tambahan Lampiran 1 sebagai panduan susunan waris yang berkepentingan bagi tuntutan terhadap harta si mati
8.	8/2022	Garis Panduan Pengurusan Kes Mal Bagi Pemfailan Ikatan Dokumen, Fakta Kes Dan Penyata Keterangan	Diterima


Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai **12 Januari 2023**.



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak



TAHUN
2022

ARAHAN AMALAN

MAHKAMAH SYARIAH SELURUH MALAYSIA

KANDUNGAN ARAHAN AMALAN TAHUN 2022

	TAJUK	MUKA SURAT
1.	ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2022 PERINTAH MAHKAMAH SYARIAH MELALUI POTONGAN PENCEN	1
2.	ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2022 PERINTAH MAHKAMAH SYARIAH BERKAITAN STATUS NASAB DAN PERNIKAHAN	2
3.	ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2022 KEUTAMAAN KEHADIRAN TIMBALAN KETUA PENGARAH (SYARIAH) JABATAN BANTUAN GUAMAN, KETUA PENDAKWA SYARIE DAN KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI SEMASA PROSIDING RAYUAN DI MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (BATALKAN AA 6/2004)	3
4.	ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2022 PENYERAGAMAN SURAT PERLANTIKAN DAN PERTUKARAN PANEL HAKIM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI-NEGERI	4 - 10
5.	ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PAKAIAN HAKIM SYARIE, PENDAKWA SYARIE, PEGUAM SYARIE, PEGAWAI DAN PETUGAS DALAM DEWAN MAHKAMAH SYARIAH (BATALKAN AA 10/ 2019 DAN AA 7/ 2020)	11 - 19
6.	ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2022 KEPERLUAN PEMFAILAN KES TUNTUTAN NAFKAH ANAK BERSAMA KES TUNTUTAN/ PERMOHONAN PERCERAIAN ATAU PEMBUBARAN PERKAHWINAN (DENGAN KEHADIRAN SUAMI)	20 - 22
7.	ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2022 KEPERLUAN MENJADIKAN SEMUA AHLI WARIS YANG BERHAK DAN BERKEPENTINGAN SEBAGAI PIHAK-PIHAK DI DALAM KES-KES YANG MELIBATKAN TUNTUTAN KE ATAS HARTA SI MATI	23
8.	ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KES MAL BAGI PEMFAILAN IKATAN DOKUMEN, FAKTA KES DAN PENYATA KETERANGAN (BACA BERSAMA ARAHAN AMALAN 8/2016: TATACARA PENGURUSAN KES MAL MAHKAMAH SYARIAH: PENGURUSAN KES SAMAN)	24 - 31

TAJUK

LAIN-LAIN

- I. Arahan Amalan Yang Dibatalkan sehingga Tahun 2022
- II. Arahan Amalan Yang Berkaitan sehingga Tahun 2022
- III. Arahan Amalan Yang Berkaitan SULH sehingga Tahun 2022



جابتن كحاکيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9500
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(98)
Takwim : 7 Jamadilawal 1444H
Tarikh : 2 Disember 2022

YAA Ketua Hakim Syarie


Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2022
PERINTAH MAHKAMAH SYARIAH MELALUI POTONGAN PENCEN

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 28 – 29 Rabiulakhir 1444H bersamaan 25 – 26 Oktober 2022 di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Perintah Mahkamah Syariah Melalui Potongan Pencen hanya melibatkan nafkah isteri, nafkah iddah, nafkah anak, tunggakan nafkah isteri dan tunggakan nafkah anak.

2. Seksyen 19 Akta Pencen 1980 [Akta 227] hendaklah dirujuk bagi maksud pemakaian Arahan Amalan ini.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta-merta.


DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جابتن كحاکيمن شرعية مليسيا
KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9500
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(99)
Takwim : 7 Jamadilawal 1444H
Tarikh : 2 Disember 2022

YAA Ketua Hakim Syarie


Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2022
PERINTAH MAHKAMAH SYARIAH BERKAITAN DENGAN STATUS NASAB
DAN PERNIKAHAN

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 28 – 29 Rabiulakhir 1444H bersamaan 25 – 26 Oktober 2022 di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Perintah Mahkamah Syariah Berkaitan dengan Status Nasab dan Pernikahan.

2. Mahkamah syariah tidak boleh mengeluarkan perintah kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berkaitan dengan membetul dan/ atau meminda apa-apa maklumat dalam butiran kad pengenalan, sijil lahir atau sebarang dokumen berkaitan dengan identiti seseorang.
3. Perintah mahkamah syariah hanya berbidang kuasa mengisytiharkan status nasab dan status pernikahan/ perkahwinan seseorang.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta-merta.


DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جابتن كحاکيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9500
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(100)
Takwim : 7 Jamadilawal 1444H
Tarikh : 2 Disember 2022

YAA Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2022

**KEUTAMAAN KEHADIRAN TIMBALAN KETUA PENGARAH (SYARIAH)
JABATAN BANTUAN GUAMAN MALAYSIA, KETUA PENDAKWA SYARIE
DAN KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI
SEMASA PROSIDING RAYUAN DI MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 28 – 29 Rabiulakhir 1444H bersamaan 25 – 26 Oktober 2022 di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Keutamaan Kehadiran Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) Jabatan Bantuan Guaman Malaysia, Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri semasa Prosiding Rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah.

2. Arahan Amalan No. 6 Tahun 2004 berkaitan dengan Kehadiran Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) Biro Bantuan Guaman, Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Pendaftar semasa Prosiding Rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta-merta.

DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(101)
Takwim : 7 Jamadilawal 1444H
Tarikh : 2 Disember 2022

YAA Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2022
PENYERAGAMAN SURAT PELANTIKAN DAN PERTUKARAN PANEL HAKIM
MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI-NEGERI

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 28 – 29 Rabiulakhir 1444H bersamaan 25 – 26 Oktober 2022 di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Penyeragaman Surat Pelantikan dan Pertukaran Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri-Negeri sepertimana format surat di Lampiran.

2. Arahan Amalan ini terpakai kepada semua kes rayuan syariah termasuk kes dibatalkan atau dibuang.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta-merta.

DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

FORMAT SURAT PELANTIKAN Pengerusi DAN PANEL RAYUAN

KEPALA SURAT JABATAN

Ruj. Kami :
Takwim :
Tarikh :

YAA KETUA PENGARAH/ KETUA HAKIM SYARIE

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

** Bagi pelantikan Pengerusi/ Panel Rayuan JKSM, surat hendaklah dialamatkan kepada YAA Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM*

dan/ atau

Panel Rayuan JKSN/ MSN

Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

Jabatan Kehakiman Syariah

** Bagi pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah selain Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM*

YAA / YA / YA,

PELANTIKAN SEBAGAI Pengerusi DAN PANEL HAKIM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa YAA/ YA/ YA telah dilantik sebagai Pengerusi/ Panel Hakim Rayuan, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri

..... berdasarkan peruntukan di bawah seksyen¹.....
 Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri
 atau Enakmen/ Ordinan Mahkamah Syariah Negeri bagi mendengar
 dan membereskan kes tersebut (Lampiran A) sehingga prosiding itu tamat.

3. Untuk makluman, pelantikan Pengerusi dan Panel Rayuan adalah seperti yang berikut:

i.	YAA Pengerusi
ii.	YA Panel
iii.	YA Panel

4. Segala perhatian dan kerjasama YAA/ YA/ YA dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“SYARIAH ASAS KeadILAN”

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Ketua Hakim Syarie
 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/
 Mahkamah Syariah Negeri

¹ Subseksyen 12(2) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang), seksyen 54 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, seksyen 18 Ordinan Mahkamah Syariah 2001, seksyen 19 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, seksyen 57 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, seksyen 29 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, seksyen 19 Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), seksyen 8 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, seksyen 25 (keanggotaan Mahkamah Rayuan) atau seksyen 31 (keanggotaan Mahkamah Utama) Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018

PERSIDANGAN MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH**MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI**

Tarikh:

YAA (Pengerusi)

YA (Panel)

YA (Panel)

BIL.	NO. KES	JENIS KES	MASA	PERAYU/ PEMOHON/ PEGUAM SYARIE	RESPONDEN/ PEGUAM SYARIE

**FORMAT SURAT PELANTIKAN BAHARU BAGI PERTUKARAN PENERUSI
ATAU/ DAN PANEL RAYUAN**

KEPALA SURAT JABATAN

Ruj. Kami :
Takwim :
Tarikh :

YAA KETUA PENGARAH/ KETUA HAKIM SYARIE

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

**Bagi pelantikan Pengerusi/ Panel Rayuan JKSM, surat hendaklah dialamatkan kepada YAA Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM*

dan/ atau

Panel Rayuan JKSN/ MSN

Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

Jabatan Kehakiman Syariah

**Bagi pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah selain Hakim Mahkamah Rayuan JKSM*

YAA / YA / YA,

**PELANTIKAN SEBAGAI PENERUSI ATAU/ DAN PANEL HAKIM MAHKAMAH
RAYUAN SYARIAH NEGERI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa YAA/ YA/ YA telah dilantik sebagai Pengerusi/ Panel Hakim Rayuan, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri berdasarkan peruntukan di bawah seksyen².....
Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri

² Subseksyen 12(2) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang), seksyen 54 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, seksyen 18 Ordinan Mahkamah Syariah 2001, seksyen 19 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, seksyen 57 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, seksyen 29 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, seksyen 19 Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), seksyen 8 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, seksyen 25 (keanggotaan Mahkamah Rayuan) atau seksyen 31 (keanggotaan Mahkamah Utama) Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018

atau Enakmen/ Ordinan Mahkamah Syariah Negeri bagi mendengar dan membereskan kes tersebut (Lampiran A) sehingga prosiding itu tamat.

3. Untuk makluman, pelantikan Pengerusi dan Panel Rayuan adalah seperti berikut -

i.	YAA Pengerusi
ii.	YA Panel
iii.	YA Panel

4. Pelantikan Pengerusi (*nyatakan nama*) atau/ dan Panel Hakim Rayuan (*nyatakan nama*) bertarikh adalah dibatalkan.

Segala perhatian dan kerjasama YAA,/ YA.....,/ YA dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“SYARIAH ASAS KeadILAN”

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/

Mahkamah Syariah Negeri

s.k.

1. **YA**

Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/

Mahkamah Syariah Negeri

PERSIDANGAN MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI

Tarikh:

YAA (Pengerusi)

YA (Panel)

YA (Panel)

BIL.	NO. KES	JENIS KES	MASA	PERAYU/ PEMOHON/ PEGUAM SYARIE	RESPONDEN/ PEGUAM SYARIE



جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(102)
Takwim : 7 Jamadilawal 1444H
Tarikh : 2 Disember 2022

YAA Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PAKAIAN HAKIM SYARIE, PENDAKWA SYARIE,
PEGUAM SYARIE DAN PEGAWAI MAHKAMAH
DI DALAM DEWAN MAHKAMAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 28 – 29 Rabiulakhir 1444H bersamaan 25 – 26 Oktober 2022 di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Ketua Pendakwa Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie dan Pegawai Mahkamah di dalam Dewan Mahkamah Syariah sepertimana di Lampiran 1, 2, 3 dan 4.

2. Arahan Amalan No. 10 Tahun 2019 berkaitan dengan Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai dan Petugas dalam Dewan Perbicaraan Mahkamah Syariah dan Arahan Amalan No. 7 Tahun 2020 berkaitan dengan Garis Panduan Pakaian Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie Dalam Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta-merta.

DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

**Garis Panduan
Pakaian Hakim Syarie
di dalam Dewan Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah
dan Mahkamah Rendah Syariah**

- Lelaki: Jubah khas (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), songkok hitam, baju melayu hitam dan sampung hitam atau kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap, seluar panjang hitam dan kasut hitam.
- Perempuan: Jubah khas (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), kot hitam, baju kurung warna gelap atau bercorak hitam putih atau blaus putih, kain hitam, tudung hitam, stoking dan kasut hitam bertutup.

**Garis Panduan
Pakaian Pegawai Mahkamah
di dalam Dewan Perbicaraan Mahkamah Syariah.**

Garis Panduan Pakaian Pegawai Mahkamah ini termasuklah Ketua Pendaftar, Pendaftar, Pegawai Penyelidik Panel Rayuan/ Hakim Bicara, Pembantu Syariah, Jurutulis (*kaatib*), Jurubahasa dan Urus setia sidang Mahkamah Rayuan Syariah yang bertugas ketika prosiding di Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah seperti yang berikut:

Lelaki: Songkok hitam, kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap, seluar panjang hitam atau baju melayu hitam, sampung hitam dan kasut hitam.

Perempuan: Kot hitam, baju kurung warna gelap atau bercorak hitam putih atau blaus putih, kain hitam, tudung warna putih, kelabu gelap atau hitam tidak bercorak, stoking dan kasut hitam bertutup.

2. Arahan Amalan ini tidak terpakai kepada anggota keselamatan beruniform yang bertugas di mahkamah syariah.

Garis Panduan
Pakaian Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie
di dalam Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah
dan Mahkamah Rendah Syariah

Lelaki: Jubah khas (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), songkok hitam khas, kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap dan seluar panjang hitam atau baju melayu hitam, sampung hitam dan kasut hitam.

Perempuan: Jubah khas (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), kot hitam, baju kurung warna gelap atau bercorak hitam putih, blaus putih, kain hitam dan tudung warna putih, kelabu gelap atau hitam tidak bercorak dan kasut hitam bertutup.

2. Semasa mengendalikan prosiding di mahkamah syariah, Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie dilarang memakai jubah peguam bela, peguam cara, jubah Peguam Syarie atau apa-apa jubah selain jubah yang berikut:

Jubah Khas Ketua Pendakwa Syarie

Contoh Teknikal Jubah KHAS: KETUA PENDAKWA SYARIE

Lapel Sulaman Songket
Ukuran Lebar (2.5")

1 Jalur Sulaman dan
3 Jalur Ribbon
Kuning Keemasan
1 inci setiap satu




Hadapan



Belakang

Sulaman
(Kuning keemasan)
Based (Warna Hitam)



Jubah Khas Pendakwa Syarie

Contoh Teknikal Jubah KHAS : PENDAKWA SYARIE

Lapel Sulaman Songket
Ukuran Lebar (2.5")

1 Jalur Ribbon
Kuning Keemasan
1 inci setiap satu



Hadapan




Belakang

Sulaman
(kuning keemasan)
Based (Warna Hitam)



Songkok Khas Ketua Pendakwa Syarie/ Pendakwa Syarie

CANTOH TEKNIKAL SONGKOK KETUA PENDAKWA SYARIE/ PENDAKWA SYARIE : SONGKOK



Jata Negeri / Negara

Line Kuning Keemasan

Kain Velvet Hitam

**Garis Panduan Pakaian Peguam Syarie
di dalam Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan
Mahkamah Rendah Syariah**

Garis Panduan Pakaian Peguam Syarie termasuklah Pegawai Undang-Undang dan Pegawai Syariah dari Jabatan Bantuan Guaman yang bertindak sebagai wakil mana-mana pihak, iaitu:

Lelaki: Jubah khas (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), songkok hitam atau serban putih, kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap dan seluar panjang hitam atau baju melayu hitam, sampung hitam dan kasut hitam.

Perempuan : Jubah (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), kot hitam, baju kurung warna gelap atau bercorak hitam putih, blaus putih, kain hitam dan tudung warna putih, kelabu gelap atau hitam tidak bercorak, stoking dan kasut hitam bertutup.

2. Semasa mengendalikan prosiding di mahkamah syariah, Peguam Syarie dilarang memakai jubah peguam bela, peguam cara atau apa-apa jubah selain jubah yang berikut:



Garis berwarna
benang keemasan



جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIAH PERBICARAAN/ PERBICARAAN

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Department Of Syariah Judiciary Malaysia

Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya

No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3

62100 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 9300

Faks : 603-8870 9316

Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(103)

Takwim : 7 Jamadilawal 1444H

Tarikh : 2 Disember 2022

YAA Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2022

KEPERLUAN PEMFAILAN KES TUNTUTAN NAFKAH ANAK BERSAMA KES TUNTUTAN/ PERMOHONAN PERCERAIAN ATAU PEMBUBARAN PERKAHWINAN (DENGAN KEHADIRAN SUAMI)

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 28 – 29 Rabiulakhir 1444H bersamaan 25 – 26 Oktober 2022 di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Keperluan Pemfailan Kes Tuntutan Nafkah Anak Bersama Tuntutan/ Permohonan Perceraian atau Pembubaran Perkahwinan (dengan Kehadiran Suami) sepertimana di Jadual 1 dan hendaklah diuruskan seperti yang berikut:

1. Mana-mana pihak yang memfailkan tuntutan/ permohonan sepertimana di Jadual 1 hendaklah memfailkan bersama kes tuntutan nafkah anak di bawah seksyen 73¹, seksyen 79² atau seksyen 81³ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri dengan menggunakan kod pendaftaran sepertimana di Jadual 2.
2. Kes tuntutan nafkah anak sepertimana di Jadual 2 yang difailkan bersama dengan tuntutan/ permohonan sepertimana di Jadual 1 hendaklah dikecualikan daripada Majlis Sulh selepas pendaftaran kes.


¹Seksyen 72 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, Sarawak 2001

²Seksyen 78 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, Sarawak 2001

³Seksyen 80 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, Sarawak 2001

3. Pendengaran bagi kedua-dua kes tersebut hendaklah ditetapkan pada tarikh yang sama mengikut kesesuaian dan mahkamah hendaklah mengambil perhatian terhadap kebajikan anak dari sudut nafkah sama ada kes tuntutan/ permohonan perceraian atau pembubaran perkahwinan tersebut diselesaikan segera atau sebaliknya.
4. Jika pihak-pihak berjaya mencapai persetujuan berkaitan dengan kadar nafkah anak, maka perintah kekal nafkah anak berdasarkan jenis kes di Jadual 2 hendaklah dikeluarkan.
5. Jika pihak-pihak tidak mencapai apa-apa persetujuan berkaitan dengan kadar nafkah anak, mahkamah hendaklah menetapkan suatu tarikh prosiding selanjutnya bagi kes tuntutan nafkah anak tersebut.
6. Mahkamah hendaklah memerintahkan nafkah sementara anak dengan kadar yang munasabah di bawah peruntukan perenggan 74(1)(c), subseksyen 74(2) dan (3)⁴ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri sebelum apa-apa persetujuan atau keputusan Mahkamah mengenai kadar nafkah seperti di perenggan 5.
7. Ketetapan di perenggan 6 tidak menghalang mana-mana pihak untuk memfailkan Permohonan Perintah Interim Nafkah Anak di Mahkamah Tinggi Syariah berdasarkan seksyen 202 Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta-merta.


DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

⁴ Perenggan 73(1)(c) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, Sarawak 2001.

JADUAL 1

**Kod Pendaftaran Kes Tuntutan/ Permohonan Berkaitan Perceraian/
Pembubaran Perkahwinan**

BIL.	JENIS KES	KOD BAHARU	KOD LAMA
1.	Tuntutan Fasakh	162	014
2.	Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai	152	054
3.	Tuntutan/ Permohonan Perceraian	151	055
4.	Tuntutan Khuluk/ Tebus Talak	154	056
5.	Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik	153	057

JADUAL 2

Kod Pendaftaran Kes Berkenaan Tuntutan/ Permohonan Berkaitan Nafkah Anak

BIL.	JENIS KES	KOD BAHARU	KOD LAMA
1.	Tuntutan Nafkah Anak	251	024
2.	Tuntutan Nafkah Anak Angkat	253	-
3.	Tuntutan Nafkah Anak Tak Sah Taraf	252	084



جابتن كحاکيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN/
PERBICARAAN/
PASCA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(104)
Takwim : 7 Jamadilawal 1444H
Tarikh : 2 Disember 2022

YAA Ketua Hakim Syarie


Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2022

KEPERLUAN MENJADIKAN SEMUA AHLI WARIS YANG BERHAK DAN BERKEPENTINGAN SEBAGAI PIHAK-PIHAK DALAM KES MELIBATKAN TUNTUTAN TERHADAP HARTA SI MATI

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 28 – 29 Rabiulakhir 1444H bersamaan 25 – 26 Oktober 2022 di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Keperluan Menjadikan Semua Ahli Waris yang Berhak dan Berkepentingan sebagai Pihak dalam Kes Melibatkan Tuntutan terhadap Harta Si Mati kecuali kes faraid.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta-merta.


DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جابتن كحاکيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(105)
Takwim : 7 Jamadilawal 1444H
Tarikh : 2 Disember 2022

YAA Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri


ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2022

GARIS PANDUAN PENGURUSAN KES MAL BAGI PEMFAILAN IKATAN DOKUMEN, FAKTA KES DAN PENYATA KETERANGAN

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 28 – 29 Rabiulakhir 1444H bersamaan 25 – 26 Oktober 2022 di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Garis Panduan Pengurusan Kes Mal bagi Pemfailan Ikatan Dokumen, Fakta Kes dan Penyata Keterangan di mahkamah syariah sepertimana di Lampiran.

2. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No.8 Tahun 2016 berkaitan dengan Tatacara Pengurusan Kes Mal Mahkamah Syariah: Pengurusan Kes Saman.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta-merta.


DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN KES MAL BAGI PEMFAILAN IKATAN
DOKUMEN, FAKTA KES DAN PENYATA KETERANGAN**

BAHAGIAN 1 – NAMA DAN PEMAKAIAN

1. Garis Panduan Pengurusan Kes Mal bagi Pemfailan Ikatan Dokumen, Fakta Kes dan Penyata Keterangan (selepas ini disebut sebagai "Garis Panduan").
2. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2016 berkaitan dengan Tatacara Pengurusan Kes Mal Mahkamah Syariah: Pengurusan Kes Saman. Tatacara berhubung dengan prosiding bagi melengkapkan pliding dan surat cara guaman hendaklah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Arahan Amalan No. 8 Tahun 2016. Pemfailan dokumen dan pernyataan fakta persoalan di perenggan 19 (iii), (iv) dan (v) Arahan Amalan No. 8 Tahun 2016 tidak terpakai bagi kategori kes yang kedua-dua pihak diwakili oleh Peguam Syarie.
3. Garis Panduan ini hendaklah diguna pakai oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah Negeri dalam pengurusan kes mal yang difailkan melalui saman dan pernyataan tuntutan sahaja.
4. Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada kes yang kedua-dua pihak diwakili oleh Peguam Syarie dan tidak terpakai bagi kes yang dibicarakan secara sebelah pihak.
5. Pelaksanaan pengurusan ini hendaklah dijalankan tidak melebihi dua (2) bulan dari tarikh Hakim atau Pendaftar berpuas hati bahawa pliding telah lengkap. Sebarang tempoh pelanjutan masa dibolehkan dengan kebenaran Hakim atau Pendaftar.

BAHAGIAN 2 - TAFSIRAN

6. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

"Hakim" atau "Hakim Syarie" ertinya seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah mengikut mana-mana yang berkenaan, yang

dilantik di bawah Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Agama Islam/ Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Agama Islam/ Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan;

"Peguam Syarie" ertinya seseorang yang diterima masuk sebagai Peguam Syarie di bawah Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [Akta 814] atau Akta/Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Agama Islam/ Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan; dan

"Pendaftar" ertinya Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, atau Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Agama Islam/ Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan.

BAHAGIAN 3 – TATACARA PENGURUSAN KES

7. Sekiranya Hakim atau Pendaftar berpuas hati bahawa pliding telah lengkap dan pihak-pihak bersedia untuk perbicaraan, Hakim atau Pendaftar hendaklah memastikan Peguam Syarie memfailkan dokumen-dokumen bagi perbicaraan sebagaimana yang berikut:

- (1) Ikatan dokumen dipersetujui

Ikatan dokumen ini hendaklah mengandungi dokumen yang dipersetujui kesahannya dan isi kandungannya yang hendaklah ditandakan sebagai Ikatan Dokumen A dengan menggunakan kertas kulit berwarna hijau.

- (2) Ikatan dokumen tidak dipersetujui

Ikatan dokumen ini hendaklah mengandungi dokumen dipersetujui kesahannya tetapi isi kandungannya dipertikai. Ikatan dokumen ini hendaklah ditandakan sebagai Ikatan Dokumen B dengan menggunakan kertas kulit berwarna kuning.

- (3) Dokumen dipertikai kesahannya dan isi kandungannya

Dokumen ini hendaklah ditandakan sebagai Ikatan Dokumen C dengan menggunakan kertas kulit berwarna merah.

- (4) Dokumen-dokumen lain yang dicadangkan untuk dikemukakan dalam perbicaraan

- (5) Pernyataan fakta yang dipersetujui dan pernyataan fakta yang tidak dipersetujui dan untuk dibicarakan

Format borang senarai pernyataan fakta dipersetujui dan pernyataan isu untuk dibicarakan hendaklah menggunakan borang di Lampiran A.

- (6) Senarai saksi, penyata keterangan pihak-pihak dan penyata keterangan saksi pihak-pihak

Format senarai saksi dan pernyataan saksi hendaklah menggunakan borang di Lampiran B.

8. Bagi maksud subperenggan 7(1), 7(2), 7(3) dan 7(4) hendaklah menggunakan format Ikatan Dokumen Bersama (Lampiran C).

9. Kandungan dalam Lampiran C hendaklah disusun mengikut kronologi kes, dokumen dan muka surat secara berturutan.

10. Lampiran A dan Lampiran C yang telah disahkan oleh kedua-dua pihak hendaklah difailkan oleh Peguam Syarie Plaintif.

PERNYATAAN FAKTA DIPERSETUJUI DAN PERNYATAAN ISU UNTUK DIBICARAKAN

A. PERNYATAAN FAKTA DIPERSETUJUI

BIL.	FAKTA DIPERSETUJUI
1.	
2.	
3.	

Diluluskan Peguam Syarie Plaintiff:

.....
()

Diluluskan Peguam Syarie Defendan:

.....
()

B. ISU UNTUK DIBICARAKAN

BIL.	ISU UNTUK DIBICARAKAN
1.	
2.	
3.	

Diluluskan Peguam Syarie Plaintiff :

.....
()

Diluluskan Peguam Syarie Defendan :

.....
()

SENARAI & BUTIRAN SAKSI-SAKSI PLAINTIF & DEFENDAN**A. SENARAI SAKSI PLAINTIF**

Bil.	Saksi	Keterangan
1.	<ul style="list-style-type: none"> • Nama Penuh : • Alamat : • Pekerjaan : • Hubungan dengan pihak : 	
2.	<ul style="list-style-type: none"> • Nama Penuh : • Alamat : • Pekerjaan : • Hubungan dengan pihak : 	

Diluluskan Peguam Syarie Plaintiff :

.....

()

B. SENARAI SAKSI DEFENDAN

Bil.	Saksi	Keterangan
1.	<ul style="list-style-type: none"> • Nama Penuh: • Alamat: • Pekerjaan: • Hubungan dengan pihak: 	

2.	<ul style="list-style-type: none"> • Nama Penuh: • Alamat: • Pekerjaan : • Hubungan dengan pihak : 	
----	--	--

Diluluskan Peguam Syarie Defendan

.....
 ()

Catatan:

Format Penyata Keterangan Plaintiff, Defendan dan Saksi pihak-pihak hendaklah sebagaimana Arahan Amalan No. 3 Tahun 2019: Garis Panduan dan Format Penyediaan Penyata Keterangan Plaintiff, Defendan dan Saksi Secara Bertulis.

IKATAN DOKUMEN BERSAMA

A

- Dokumen dan isi kandungan dokumen dipersetujui.
- Dibuat secara berjilid jika melebihi 100 helai muka surat bagi kategori ini.
Contoh : Jilid A1 – m/s 1 – 100
 Jilid A2 – m/s 100 – 200
- Setiap helaian hendaklah dimasukkan nombor muka surat.
- Tidak perlu penandaan.

B

- Dokumen dipersetujui tetapi isi kandungan dokumen tidak dipersetujui.
- Dibuat secara berjilid jika melebihi 100 helai muka surat bagi kategori ini.
Contoh : Jilid B1 – m/s 1 – 100
 Jilid B2 – m/s 100 – 200
- Setiap helaian hendaklah dimasukkan nombor muka surat.
- Hendaklah dibuat penandaan.

C

- Dokumen dan isi kandungan dokumen tidak dipersetujui.
- Dibuat secara berjilid jika melebihi 100 helai muka surat bagi kategori ini.
Contoh : Jilid C1 – m/s 1 – 100
 Jilid C2 – m/s 100 – 200
- Jika ada rakaman video atau audio dilampirkan dalam peranti elektronik, perlu dinyatakan minit ke berapa rakaman tersebut untuk dirujuk.
- Setiap helaian hendaklah dimasukkan nombor muka surat.
- Hendaklah dibuat penandaan.

D

- Dokumen-dokumen lain yang dicadangkan untuk dikemukakan dalam perbicaraan.

RINGKASAN MAKLUMAT AA SEHINGGA 2022

TAHUN	ARAHAN AMALAN	BATAL SEPENUHNYA	BATAL SEBAHAGIAN
2000	8	3	0
2001	11	1	0
2002	17	4	0
2003	14	4	0
2004	15	5	0
2005	15	7	1
2006	15	7	0
2007	17	2	0
2008	7	0	0
2009	0	0	0
2010	6	1	0
2011	11	2	0
2012	9	2	0
2013	6	1	0
2014	7	0	1
2015	9	0	0
2016	11	0	1
2017	7	1	0
2018	12	1	0
2019	13	1	1
2020	10	0	0
2021	16	0	0
2022	8	3	0
JUMLAH	244	45	4
BERKUATKUASA	244 – 45 = 199 AA		

Ringkasan

1. Jumlah AA tahun 2000 – 2022: 244
2. Jumlah AA dibatalkan sepenuhnya 2000 – 2022: 45
3. Jumlah dibatalkan sebahagian 2000 – 2022: 4
4. Jumlah berkuatkuasa 2000 -2022 (“dibatalkan sebahagian” termasuk yang sedang berkuatkuasa): **199**

**SENARAI ARAHAN AMALAN YANG DIBATALKAN
DENGAN ARAHAN AMALAN BAHARU
SEHINGGA TAHUN 2022**

Sehingga tahun 2022 terdapat **45 Arahan Amalan** yang telah dibatalkan
(tidak termasuk AA yang dibatalkan sebahagian)

1. **Arahan Amalan No. 3 Tahun 2000 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 10 Tahun 2003: Pindaan Format Laporan Bulanan Kes.
2. **Arahan Amalan No. 4 Tahun 2000 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 11 Tahun 2003: Bentuk Prosiding dan Permohonan Ex Parte Bagi Perintah Sementara.
3. **Arahan Amalan No. 6 Tahun 2000 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2013: Had Masa Sebutan Dan Perbicaraan.
4. **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2001 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2013: Had Masa Sebutan Dan Perbicaraan.
5. **Arahan Amalan No. 6 Tahun 2002 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 1 Tahun 2014: Wakalah/Iqrar/Afidavit.
6. **Arahan Amalan No. 8 Tahun 2002 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2017: Tempoh Masa Mengemukakan Nota Perbicaraan Bagi Maksud Rayuan berkuatkuasa.
7. **Arahan Amalan No. 10 Tahun 2002 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 3 Tahun 2020: Pemakluman Bertulis Pendaftar Kepada Hakim Berkaitan Dengan Permohonan Penangguhan Prosiding/ Penggantungan Pelaksanaan Sementara Menunggu Rayuan Dan Permohonan Kebenaran Merayu Bagi Kes Mal
8. **Arahan Amalan No. 16 Tahun 2002 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2013: Permohonan Perintah Luar Bidang Kuasa.
9. **Arahan Amalan No. 3 Tahun 2003 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 7 Tahun 2005: Pindaan Format Pemakaian Iklan Penyampaian Ganti Di Akhbar.

10. **Arahan Amalan No. 8 Tahun 2003 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2015: Penyerahan Notis Sulh Secara Akuan Penerimaan Pos Berdaftar (A.R. Registered).
11. **Arahan Amalan No. 11 Tahun 2003 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2016: Garis Panduan Prosiding *Ex Parte* Hadhanah dan Injunksi.
12. **Arahan Amalan No. 13 Tahun 2003 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 7 Tahun 2014: Peraturan Semakan Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Atau Di Mahkamah Rayuan Syariah.
13. **Arahan Amalan No. 1 Tahun 2004 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2012: Keutamaan Kes-kes Wali Hakim/Wali Raja.
14. **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2004 Dibatalkan Dengan Arahan Amalan No. 13 Tahun 2021:** Penyerahan Notis Rayuan Dan Tempoh *Wakalah* Peguam Syarie Perayu/ Responden Bagi Kes Yang Dirayu Atau Disemak
15. **Arahan Amalan No. 6 Tahun 2004 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 3 Tahun 2022: Keutamaan Kehadiran Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) Jabatan Bantuan Guaman, Ketua Pendakwa Syarie Dan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Semasa Prosiding Rayuan Di Mahkamah Rayuan Syariah
16. **Arahan Amalan No. 7 Tahun 2004 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2010: Pengiraan Amaun.
17. **Arahan Amalan No. 11 Tahun 2004 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2018: Pemakluman Keputusan/Perintah Bagi Kes-kes Rayuan Dan Permohonan Semakan Bagi Kes Yang Telah Diputuskan
18. **Arahan Amalan No. 12 Tahun 2004 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2018: Tatacara Penolakan/Pembatalan Kes Rayuan Mal Yang Tidak Mengikut Aturan
19. **Arahan Amalan No. 3 Tahun 2005 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 10 Tahun 2019: Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai dan Petugas Dalam Mahkamah Syariah

20. **Arahan Amalan No. 4 Tahun 2005 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 10 Tahun 2019: Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai dan Petugas Dalam Mahkamah Syariah
21. **Arahan Amalan No. 5 Tahun 2005 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 10 Tahun 2019: Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai dan Petugas Dalam Mahkamah Syariah
22. **Arahan Amalan No. 6 Tahun 2005 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2012: Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie Dalam Mahkamah Rendah Syariah.
23. **Arahan Amalan No. 7 Tahun 2005 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 9 Tahun 2012: Penjelasan Format Pemakaian Iklan Penyampaian Ganti di Akhbar.
24. **Arahan Amalan No. 9 Tahun 2005 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2010: Bidang Kuasa Mahkamah Mendengar Permohonan Mengubah Perintah.
25. **Arahan Amalan No. 13 Tahun 2005 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2017: Tatacara Pertukaran Jenis Kes Di Pertengahan Perbicaraan.
26. **Arahan Amalan No. 3 Tahun 2006 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2017: Permohonan Kebenaran Pengkomitan.
27. **Arahan Amalan No. 5 Tahun 2006 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2011: Kesan Perjanjian Persetujuan Sulh.
28. **Arahan Amalan No. 8 Tahun 2006 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2010: Pengesahan Perceraian Lafaz Taklik Kecuali Taklik Surat Perakuan Nikah Dan Efek Penalti Di Bawah Seksyen 124/125 Undang-Undang Keluarga Islam.
29. **Arahan Amalan No. 10 Tahun 2006 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2016: Garis Panduan Prosiding *Ex Parte* Hadhanah dan Injunksi.
30. **Arahan Amalan No. 11 Tahun 2006 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2015: Peraturan Penggunaan Perintah Mahkamah.
31. **Arahan Amalan No. 12 Tahun 2006 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 10 Tahun 2020: Manual Kerja Bailif

32. **Arahan Amalan No. 13 Tahun 2006 Dibatalkan** dengan **Arahan Amalan No. 16 Tahun 2021**: Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian
33. **Arahan Amalan No. 3 Tahun 2007 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 9 Tahun 2019: Proses Kerja Permohonan Semakan Di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah
34. **Arahan Amalan No. 10 Tahun 2007 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2019: Amalan Pengesahan Talaq Di Luar Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah Serta Penjelasan Keengganan Bersumpah
35. **Arahan Amalan No. 4 Tahun 2010 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2012: Bidang Kuasa Pendengaran Kes Faraid.
36. **Arahan Amalan No. 6 Tahun 2011 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2016: Garis Panduan Prosiding *Ex Parte* Hadhanah dan Injunksi.
37. **Arahan Amalan No. 11 Tahun 2011 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014: Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman.
38. **Arahan Amalan No. 4 Tahun 2012 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 10 Tahun 2019: Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai dan Petugas Dalam Mahkamah Syariah
39. **Arahan Amalan No. 6 Tahun 2012 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2015: Kod Warna Bagi Rekod Rayuan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia.
40. **Arahan Amalan No. 1 Tahun 2013 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 10 Tahun 2019: Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai dan Petugas Dalam Mahkamah Syariah
41. **Arahan Amalan No. 5 Tahun 2017 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2018: Permohonan Kebenaran Pengkomitan.
42. **Arahan Amalan No. 1 Tahun 2018 dibatalkan** dengan Arahan Amalan No. 10 Tahun 2019: Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai dan Petugas Dalam Mahkamah Syariah

43. **Arahan Amalan No. 6 Tahun 2019** dibatalkan dengan **Arahan Amalan No. 6 Tahun 2021**: Amalan Pengesahan Talaq Di Luar Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah Serta Penjelasan Terhadap Keengganan Bersumpah (*Nukul*)
44. **Arahan Amalan No. 10 Tahun 2019** dibatalkan dengan **Arahan Amalan No. 5 Tahun 2022**: Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai Dan Petugas Dalam Dewan Mahkamah Syariah
45. **Arahan Amalan No. 7 Tahun 2020** dibatalkan dengan **Arahan Amalan No. 5 Tahun 2022**: Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai Dan Petugas Dalam Dewan Mahkamah Syariah

**ARAHAN AMALAN YANG DIBATALKAN SEBAHAGIAN OLEH ARAHAN AMALAN
TAHUN 2000-2021**

***(Arahan Amalan yang dibatalkan sebahagian tetap dikira sebagai Arahan Amalan
yang sedang berkuat kuasa)***

1. **(Batal sebahagian) Arahan Amalan No. 10 Tahun 2019** dibatalkan sebahagian iaitu **Lampiran 3 AA No. 10/2019** digantikan dengan Arahan Amalan No. 7 Tahun 2020: Garis Panduan Pakaian Ketua Pendakwa Syarie Dan Pendakwa Syarie Dalam Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah Dan Mahkamah Rendah Syariah
2. **(Batal Sebahagian) Perenggan (ii), (iii) dan (iv) di dalam Arahan Amalan 10 Tahun 2005** dibatalkan dan digantikan dengan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2021 Garis Panduan Permohonan Dan Pelaksanaan Penyampaian Tindakan Bersaling Bagi Perintah Dan Penghakiman Dalam Kes *Mal*
3. **(Batal Sebahagian) Kod Dewan Mrs Hulu Selangor, Kuala Selangor & Sabak Bernam Di Dalam Arahan Amalan 1/ 2016** Dibatalkan Dan Digantikan Dengan Arahan Amalan No. 11 Tahun 2021: Tambahan Kod Dewan Mahkamah Syariah
4. **(Batal Sebahagian) Proses wakalah & Afidavit berkaitan Kes Mal Di Dalam Arahan Amalan 5 Tahun 2014** Dibatalkan Dan Digantikan Dengan Arahan Amalan No. 12 Tahun 2021: Garis Panduan Pengendalian Wakalah Peguam Syarie/ Afidavit Bagi Kes Mal Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh

**SENARAI ARAHAN AMALAN TAHUN 2000 – 2022
YANG BERKAITAN ATAU/ DAN HENDAKLAH DIBACA SECARA BERSAMA DENGAN
ARAHAN AMALAN LAIN**

BIL.	ARAHAN AMALAN YANG BERKAITAN SATU SAMA LAIN
1.	ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2000; KOD PENDAFTARAN KES <i>Berkaitan AA 9/2003, 14/2005, 1/2010, 2/2015, 3/2015, 1/2016</i>
2.	ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2001: KOD ETIKA HAKIM SYARIE <i>Dibaca bersama AA 10/2018</i>
3.	ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2001: ALASAN PENGHAKIMAN <i>Dibaca bersama AA 6/2013</i>
4.	ARAHAN AMALAN NO. 10 TAHUN 2001: PENGUMPULAN KES-KES UNTUK JURNAL HUKUM <i>Berkaitan AA 3/2000</i>
5.	ARAHAN AMALAN NO. 13 TAHUN 2002: PERTINDIHAN PENDENGARAN KES <i>Dibaca bersama AA 7/2017</i>
6.	ARAHAN AMALAN NO. 15 TAHUN 2002: MEMBUKA SEMULA KES <i>AA 12/2005 meminda tajuk AA 15/2002 dengan tajuk baharu MENGHIDUP SEMULA KES</i>
7.	ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2003: JAWATANKUASA NAZIRAN PERTINDIHAN KES <i>Berkaitan AA 7/2017</i>
8.	ARAHAN AMALAN NO. 9 TAHUN 2003: TAMBAHAN DAN PINDAAN KOD PENDAFTARAN KES <i>Tertakluk AA 1/2010 & berkaitan AA 6/2010</i>
9.	ARAHAN AMALAN NO. 14 TAHUN 2004: TAMBAHAN KOD PENDAFTARAN KES <i>Tertakluk AA 1/2010 & berkaitan AA 6/2010, AA 2/2015</i>
10.	ARAHAN AMALAN NO. 14 TAHUN 2005: TAMBAHAN KOD PENDAFTARAN KES <i>Berkaitan AA 1/2000, AA 1/2010, AA 6/2010, AA 2/2015</i>
11.	ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2007: TAMBAHAN KOD DEWAN MAHKAMAH <i>Berkaitan AA 1/2016,</i>

BIL.	ARAHAN AMALAN YANG BERKAITAN SATU SAMA LAIN
12.	ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2010: PENENTUAN KES YANG PERLU DIRUJUK KE MAJLIS SULH PADA PERINGKAT PENDAFTARAN KES <i>Dibaca Bersama AA 2/2012 dan Berkaitan AA 1/2000, 9/2003, 14/2004, 14/2005</i>
13.	ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2010: TAMBAHAN KOD PENDAFTARAN KES <i>Berkaitan AA 2/2012, 2/2015</i>
14.	ARAHAN AMALAN NO. 10 TAHUN 2011: PENERIMAAN BORANG ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DI MAHKAMAH SYARIAH <i>Dibaca bersama AA 1/2017</i>
15.	ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2012: PERJANJIAN PENYELESAIAN/PERSETUJUAN YANG DIBUAT OLEH PEGUAM SYARIE ATAU PIHAK-PIHAK <i>Dibaca bersama AA 1/2010</i>
16.	ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2013: TAMBAHAN KOD DEWAN MAHKAMAH <i>Berkaitan AA 1/2016</i>
17.	ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2013: PENGGUNAAN APLIKASI E-BICARA OLEH HAKIM SYARIE <i>Dibaca bersama AA 6/2001 & AA 8/2002</i>
18.	ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2015: TAMBAHAN KOS DEWAN MAHKAMAH <i>Berkaitan AA 1/2016</i>
19.	ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2015: TAMBAHAN KOD PENDAFTARAN KES <i>Berkaitan AA 1/2000, AA 9/2003, AA 14/2004, AA 14/2005 & AA 6/2010</i>
20.	ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2015: PINDAAN TAJUK KOD KES 043 PERMOHONAN KELUAR ISLAM <i>Berkaitan AA 1/2000</i>
21.	ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2016: TAMBAHAN KOD DEWAN MAHKAMAH <i>Berkaitan AA 1/2000, AA 7/2007, AA 3/2013 & AA 1/2015</i>
22.	ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2017: KES-KES KEKELUARGAAN YANG MELIBATKAN ANGGOTA TENTERA/PASANGAN ANGGOTA TENTERA <i>Dibaca Bersama AA 10/2011</i>
23.	ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2017: KEPERLUAN DOKUMEN BAGI PENGELUARAN SIJIL PERAKUAN JAWATANKUASA NAZIRAN PERTINDIHAN KES <i>Dibaca Bersama AA 13/2002 & AA 4/2003</i>

BIL.	ARAHAN AMALAN YANG BERKAITAN SATU SAMA LAIN
24.	<p>ARAHAN AMALAN NO. 10 TAHUN 2018: ETIKA DAN PERATURAN HAKIM SYARIE UNTUK MENYAMPAIKAN CERAMAH ATAU APA-APA PENGAJARAN TENTANG AGAMA ISLAM DI MASJID/SURAU <i>Dibaca Bersama AA 1/2001</i></p>
25.	<p>ARAHAN AMALAN NO. 11 TAHUN 2018: PENENTUAN PERTUKARAN JENIS KES DI PERTENGAHAN PERBICARAAN <i>Dibaca Bersama AA 2/2017</i></p>
26.	<p>ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2019: AMALAN PENGESAHAN TALAQ DI LUAR DAN TANPA KEBENARAN MAHKAMAH SERTA PENJELASAN KEENGGANAN BERSUMPAH <i>Dibaca Bersama AA 2/2006</i></p>
27.	<p>ARAHAN AMALAN NO. 9 TAHUN 2019: PROSES KERJA PERMOHONAN SEMAKAN DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DAN MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH <i>Dibaca Bersama AA 5/2004, 7/2014 & 6/2018</i></p>
28.	<p>ARAHAN AMALAN NO. 11 TAHUN 2019: PENDENGARAN PERMOHONAN PERINTAH INTERIM INJUNKSI EX PARTE YANG DIFAILKAN ATAS PERAKUAN SEGERA <i>Dibaca Bersama AA 5/2016</i></p>
29.	<p>ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2021: PINDAAN ARAHAN AMALAN NO.2 TAHUN 2014: GARIS PANDUAN PENULISAN TEKS PENGHAKIMAN <i>DIBACA BERSAMA AA 2/2014</i></p>
30.	<p>ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2021: GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN PENYAMPAIAN TINDAKAN BERSALING BAGI PERINTAH DAN PENGHAKIMAN DALAM KES MAL <i>DIBACA BERSAMA AA 6/2010</i></p>
31.	<p>ARAHAN AMALAN NO. 11 TAHUN 2021: TAMBAHAN KOD DEWAN MAHKAMAH SYARIAH <i>DIBACA BERSAMA AA 1/2000, AA 7/2007, AA 3/2013, AA 1/2015, AA 1/2016 & AA 12/2019</i></p>
32.	<p>ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2022: GARIS PANDUAN PENGURUSAN KES MAL BAGI PEMFAILAN IKATAN DOKUMEN, FAKTA KES DAN PENYATA KETERANGAN BACA BERSAMA ARAHAN AMALAN 8/2016: TATACARA PENGURUSAN KES MAL MAHKAMAH SYARIAH: PENGURUSAN KES SAMAN)</p>

14 Arahan Amalan Mahkamah Syariah berkait SULH yang sedang berkuatkuasa semenjak tahun 2000 hingga 2022

BIL.	TAHUN	TAJUK	STATUS
1.	No. 3/ 2002	Tetapkan 21 hari & kes tak perlu sulh	Berkuat kuasa
2.	No. 7/2003	Cara simpan & lupus catatan sulh	Berkuat kuasa
3.	No. 8/2003	Prosedur penyerahan notis sulh	Batal melalui AA5/2015
4.	No. 11/2005	Bidangkuasa Mahk Rendah Rekodkan Sulh	Berkuat kuasa
5.	No. 15/2005	Tegahan Gugurkan Iddah,mutah, nafkah anak & hadhanah	Berkuat kuasa
6.	No. 4/2006	Endors perjanjian sulh atau bicara	Berkuat kuasa
7.	No. 5/2006	Kesan sulh	Batal melalui AA 4/2011
8.	No. 6/2008	Kehadiran pihak pihak di depan hakim untuk endors	Berkuat kuasa
9.	No. 1/2010	Kes perlu dan tidak perlu sulh	Berkuat kuasa
10.	No. 4/2011	Kesan sulh	Berkuat kuasa
11.	No. 2/2012	Jika penyelesaian telah dibuat oleh pihak-pihak di hadapan peguam	Berkuat kuasa
12.	No. 5/2015	Penyampaian Notis Sulh & Ar Register	Berkuat kuasa

BIL.	TAHUN	TAJUK	STATUS
13.	No. 7/2015	Proses Kerja dan carta Alir Proses Sulh Di Mahkamah	Berkuat kuasa
14.	No. 9/2015	Kehadiran satu pihak di depan hakim Untuk Endors	Berkuat kuasa
15.	No. 6/2020	Fast Lane bagi kes persetujuan Majlis Sulh	Berkuat kuasa
16.	No. 6/2022	Keperluan Pemfailan Kes Tuntutan Nafkah Anak Bersama Kes Tuntutan/ Permohonan Perceraian Atau Pembubaran Perkahwinan (Dengan Kehadiran Suami) – Kes nafkah anak tersebut tidak perlu Sulh	Berkuat kuasa

**PANDUAN
SUSUNAN WARIS YANG BERKEPENTINGAN
BAGI TUNTUTAN TERHADAP HARTA SI MATI**

5. KATEGORI WARIS

Waris Utama



Suami, Isteri, Anak Lelaki, Anak Perempuan, Ibu dan Bapa.


Waris Ganti



Keturunan ke bawah : Cucu Lelaki, Cucu Perempuan dan ke bawah.


Keturunan ke atas : Nenek sebelah Ibu, Nenek sebelah Bapa dan Datuk sebelah Bapa dan ke atas.

25 AHLI YANG BOLEH MEWARISI HARTA PUSAKA PENINGGALAN SI MATI




- PETUNJUK**
- A/L = ANAK LELAKI
 - A/P = ANAK PEREMPUAN
 - BS = BAPA SAUDARA
 - SIB = SE IBU BAPA
 - SB = SE BAPA
 - SI = SE IBU
 - SL = SAUDARA LELAKI
 - SP = SAUDARA PEREMPUAN
 - 1 = LELAKI - 15
 - 2 = PEREMPUAN - 10

JIKA SEMUA WARIS HIDUP - HANYA 5 AHLI YANG MEWARISI



JIKA WARIS LELAKI SAHAJA YANG HIDUP - HANYA 3 AHLI YANG MEWARISI



JIKA WARIS WANITA SAHAJA YANG HIDUP - HANYA 5 AHLI YANG MEWARISI

